

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

SOALAN

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan komitmen Kementerian untuk membuka semula kaedah *Feed-in Tariff (FiT)* kepada rakyat dan bukan diberikan hanya kepada syarikat-syarikat besar bagi merancakkan ekonomi dan membantu rakyat yang tertekan dengan bebanan ekonomi sekarang.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Buat masa ini, pihak Kementerian belum membuat keputusan untuk menambah kuota FiT kepada individu kerana penawaran kuota tersebut adalah berdasarkan prestasi dana Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB).
2. Bagi kategori individu, jenis Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang ditawarkan adalah pemasangan panel solar fotovolta. Buat masa ini, kuota bagi kategori tersebut telah habis ditawarkan sehingga tahun 2020. Walau bagaimanapun, pemohon yang berminat boleh memohon untuk kategori komuniti di mana masih terdapat kuota sebanyak 4.81 MW yang disediakan.
3. Di samping program FiT, Kementerian turut menawarkan Skim *Net Energy Metering* (NEM) di mana pengguna boleh menjana tenaga elektrik daripada tenaga solar dan menggunakannya untuk kegunaan sendiri. Lebihan tenaga elektrik yang dijana akan dijual kepada TNB dengan kadar 31sen/kWj bagi voltan rendah dan 21sen/kWj bagi voltan tinggi. Skim NEM dapat memberi banyak

faedah kepada pengguna terutama pengguna elektrik domestik kerana mereka boleh mengurangkan kos bulanan yang dibayar untuk bil elektrik.

Sekian, terima kasih

.....

SOALAN (72)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

SOALAN :-

YB. Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan nilai tambah yang telah dicapai daripada produk-produk kitar semula.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sememangnya menyedari tentang kepentingan amalan kitar semula dan serius dalam memberikan pendidikan kepada masyarakat dalam usaha meningkatkan kadar kitar semula. Ini dapat dilihat menerusi pencapaian kadar kitar semula yang telah meningkat daripada 5% pada tahun 2005 kepada 20.9% pada tahun 2017 dan dijangka akan mencapai 22% menjelang tahun 2020 seperti yang disasarkan.

Selaras dengan itu, kerajaan pada masa kini terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mempertingkatkan pengamalan kitar semula di kalangan masyarakat memandangkan banyak kebaikan yang bakal diperolehi daripada amalan tersebut. Ini kerana peningkatan amalan kitar semula secara tidak langsung akan mewujudkan sekular ekonomi yang mana bahan-bahan terpakai akan dijadikan suatu produk baharu dengan memasukkan elemen tambah nilai. Pelaksanaan kitar semula juga

merupakan satu keperluan bagi mendapatkan faedah-faedah seperti berikut:

Menyelamatkan sumber asli daripada terus diterokai

Penggunaan produk kitar semula dapat menyelamatkan sumber-sumber asli daripada terus diterokai bagi menghasilkan produk baharu. Oleh itu, sumber daripada barang yang boleh dikitar semula ini akan terus berpotensi menggantikan sumber asli dan seterusnya sumber asli di negara ini dapat dipelihara untuk generasi akan datang. Penggunaan bahan asli yang lebih terkawal juga dapat membantu memulihara dan memelihara alam sekitar.

Mewujudkan aktiviti ekonomi melalui peningkatan permintaan dan keperluan barang kitar semula

Dengan menghasilkan dan menggunakan produk kitar semula, permintaan dan keperluan ekonomi terhadap barang kitar semula akan meningkat berdasarkan prinsip "Permintaan dan Penawaran". Selain dapat mencipta ruang ekonomi yang baharu, ia juga akan membantu negara dalam menerajui pasaran hijau (Green Business) dan mesra alam.

Mengurangkan kesan rumah hijau

Produk-produk yang dihasilkan daripada bahan kitar semula seperti tin aluminium, kertas, surat khabar, botol plastik dan lain-lain dapat membantu mengurangkan kesan rumah hijau. Antara kesan rumah hijau yang dapat dilihat pada masa kini adalah pemanasan global dan perubahan iklim. Ini kerana dengan penghasilan produk kitar semula, semakin kurang Carbon Footprint yang terhasil berbanding dengan penghasilan produk daripada sumber baharu.

Dalam hal ini, pihak Kementerian juga sedang berusaha ke arah memaksimumkan faedah dan memanfaatkan penggunaan sumber secara optimum dengan memasukkan elemen tambah nilai atau “Upcycle” terhadap bahan-bahan kitar semula menerusi penghasilan barang-barang yang mempunyai nilai lebih tinggi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017